



MAPS MALAYSIA
(Majlis Akreditasi dan Pendidikan Senibina Malaysia)
Lembaga Arkitek Malaysia

Nota Khas MAPS #3-2020:

Perintah Kawalan Pergerakan (COVID-19) dan Kesannya ke atas Permohonan Akreditasi bagi Program Pengajian Senibina dan Rekabentuk Dalaman

1.0 TUJUAN

Nota Khas #3-2020 daripada MAPS Malaysia ini bertujuan memberikan panduan kepada Pemberi Pengajian Tinggi Senibina (PPS) dan Pemberi Pengajian Tinggi Rekabentuk Dalaman (PPD) khususnya kepada PPS/PPD yang telah, sedang, dan akan memohon Akreditasi daripada Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Dokumen subseksyen 2.4 dalam *Manual of Accreditation for Architecture Programme* (MAAP), 2013 dan subseksyen 2.4 dalam *Policy and Procedures for Accreditation of Interior Design Programme* (PAID), 2019 telah menetapkan dalam prosedur permohonan akreditasi beberapa kategori lawatan iaitu Lawatan Penasihat, Lawatan Akreditasi (Baru), Lawatan Akreditasi (Penyambungan), Lawatan Pematuhan, dan Lawatan Verifikasi.
- 2.2 MAPS percaya dalam kalangan PPS/PPD ada yang telah, sedang dan akan membuat permohonan akreditasi yang telah dijadualkan atau dirancangkan untuk berlangsung dalam tempoh sebelum tibanya tarikh luput akreditasi.
- 2.3 Secara kebetulan perancangan lawatan-lawatan yang berkenaan didapati atau dijangka akan berlaku semasa tempoh PKP atau tempoh lanjutan yang akan diumumkan oleh Kerajaan dari masa ke masa. Pertembungan antara keperluan lawatan akreditasi ini dengan tempoh PKP ini akan menimbulkan keadaan yang tidak menentu dan keresahan dalam kalangan PPS/PPD.

3.0 PELAKSANAAN LAWATAN AKREDITASI DALAM TEMPOH PKP

Dalam konteks yang dinyatakan di atas, berikut dinyatakan beberapa ketetapan ke atas permohonan akreditasi khususnya berhubung kait dengan aspek lawatan pemeriksaan di lokasi PPS/PPD berdasarkan kategori lawatan yang berkenaan:

3.1 **Lawatan Penasihat (*Advisory Visit*):**

- 3.1.1 Prosedur dalam MAAP dan PAID menetapkan bahawa Lawatan Penasihat perlu dilaksanakan satu (1) tahun sebelum kohort pertama bergraduat.
- 3.1.2 Lawatan Penasihat secara prosedurnya adalah bersifat menasihati PPS/PPD supaya lebih tersusun dan bersedia untuk menghadapi Lawatan Akreditasi kelak.
- 3.1.3 Dalam suasana yang terkekang sekarang, MAPS menetapkan keperluan Lawatan Penasihat ini digugurkan buat sementara. Ertinya, pihak PPD/PPS tidak dimestikan memohon Lawatan Penasihat.

3.2 **Lawatan Akreditasi (*Baharu*):**

- 3.2.1 Prosedur dalam MAAP dan PAID menetapkan bahawa Lawatan Akreditasi bagi program pengajian yang baharu perlu dilaksanakan pada ketika kohort pertamanya berada pada penghujung tahun bergraduat (setelah urusan peperiksaan dan penilaian selesai).
- 3.2.2 Lawatan Akreditasi yang pertama bagi program pengajian ini secara prosedurnya adalah bersifat mandatori dan PPS/PPD perlu bersedia sepenuhnya.
- 3.2.3 Dalam suasana yang terkekang sekarang ini, MAPS membuat keputusan untuk membenarkan pihak PPS/PPD memohon penundaan Lawatan Akreditasi ini dan menetapkan satu tarikh baharu baginya.
- 3.2.4 Lawatan Akreditasi yang akan diadakan pada ketika keadaan kembali normal itu mesti membentangkan dan mempamerkan hasil kerja pelajar kohort yang pertama bersama pelajar-pelajar lain dari kohort semasa.
- 3.2.5 Memandangkan pelajar kohort pertama mungkin telah bergraduat dan bekerja, maka PPS/PPD dinasihat supaya menyimpan dengan rapi dan bersistematik kesemua hasil kerja pelajar khususnya bagi mereka yang berada dalam kohort pertama.

3.3 **Lawatan Akreditasi (*Penyambungan*):**

- 3.3.1 Prosedur dalam MAAP dan PAID menetapkan bahawa Lawatan Akreditasi bagi tujuan penyambungan akreditasi sedia ada mesti dilaksanakan sebelum tiba tarikh luput tempoh akreditasi berkenaan.
- 3.3.2 PPS/PPD yang terbabit dipercayai sedang merancang untuk membuat permohonan akreditasi tetapi berada dalam keadaan tidak menentu kesan dari pelbagai kekangan berat yang sedang dihadapi.
- 3.3.3 Dalam suasana yang terkekang ini, MAPS membuat keputusan untuk memberikan kepada pihak PPS/PPD berkenaan pelanjutan pengiktirafan (akreditasi) secara automatik selama 6 bulan atau 12 bulan bermula dari tarikh luput tempoh akreditasi. Pelanjutan selama 6 bulan diberikan kepada program pengajian yang mengamalkan pengambilan pelajar

sebanyak 2 atau 3 kali setahun, manakala pelanjutan selama 12 bulan diberikan kepada program pengajian yang melaksanakan sistem pengambilan pelajar sebanyak satu (1) kali setahun.

- 3.3.4 Pihak MAPS akan mempertimbangkan pelanjutan tambahan tertakluk kepada perkembangan semasa dan arahan daripada Kerajaan berhubung tempoh PKP.

3.4 **Lawatan Pematuhan (*Compliance Visit*):**

- 3.4.1 Prosedur dalam MAAP dan PAID serta Laporan Lawatan Akreditasi menetapkan bahawa Lawatan Pematuhan bagi program pengajian yang diberikan keputusan Akreditasi Bersyarat (*Conditional Accreditation*) mesti dilaksanakan pada ketika enam (6) bulan sebelum tarikh luput Akreditasi Bersyarat berkenaan.

- 3.4.2 Terlebih dahulu dari itu, amalan biasa menghendaki PPS/PPD menghantar Laporan Pematuhan kepada MAPS dalam tempoh tidak kurang dari satu (1) tahun dari tarikh Lawatan Akreditasi berkenaan.

- 3.4.3 Dalam konteks subperkara 3.4.2 di atas, bagi mengelakkan keperluan kepada Lawatan Pematuhan, pihak PPS/PPD adalah dinasihatkan supaya menyediakan Laporan Pematuhan yang lengkap dan menjawab kesemua ulasan dan saranan yang dinyatakan dalam Laporan Lawatan Akreditasi yang berkenaan.

- 3.4.4 Kegagalan berbuat seperti yang disarankan dalam subperkara 3.4.3 di atas membuktikan tahap kesediaan yang sangat rendah pada pihak PPS/PPD untuk menjalani Laporan Pematuhan. Justeru, keadaan ini berkemungkinan besar akan menyebabkan akreditasi bersyarat program pengajian berkenaan ditamatkan secara automatik.

- 3.5 Keperluan dan persiapan lawatan serta pameran hasil kerja pelajar adalah seperti yang ditetapkan dalam MAAP dan PAID. Manakala perkara yang berkaitan dengan pameran hasil kerja kursus rekabentuk dan kursus bukan-rekabentuk boleh dirujuk secara khususnya dalam MAAP di subseksyen 4.4.2 dan 4.4.3 atau dalam PAID di subseksyen 4.4.2 dan 4.4.3.

4.0 **SEKRETARIAT MAPS**

Sebarang urusan permohonan akreditasi khususnya yang membabitkan penyusunan tarikh dan jadual lawatan yang dimaksudkan di atas, pihak PPS/PPD adalah dinasihatkan supaya berurusan terus dengan Sekretariat LAM seperti mana lazimnya. Sekiranya diperlukan perbincangan bersemuka secara atas talian boleh diatitkan semasa tempoh PKP atau tempoh lanjutan yang mungkin diumumkan dari masa ke masa.

5.0 KUAT KUASA PELAKSANAAN

- 5.1 Ketetapan dalam Nota Khas ini adalah berbentuk sementara dalam usaha membantu semua PPS/PPD yang terkait dengannya dan akan segera diberhentikan apabila tiba masa yang sesuai. Ia juga adalah satu bentuk mitigasi bagi mengelakkan tindanan bebanan dan kecelaruan berpanjangan sehingga menempuh tempoh pasca-COVID-19.
- 5.2 Nota Khas MAPS #3-2020 ini terpakai ke atas semua program pengajian senibina dan rekabentuk dalaman yang telah diluluskan atau/dan diakreditasi oleh LAM bermula serta merta hinggalah ke suatu masa di mana keadaan penularan wabak COVID-19 menjadi reda dan terkawal sepenuhnya.



Prof. Adj. Ar. Mustapha bin Hj. Mohd Salleh
Pengerusi
Majlis Akreditasi dan Pendidikan Senibina (MAPS) Malaysia
Lembaga Arkitek Malaysia

Tarikh: 3 April 2020 (Jumaat)